

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

TAJUK : ELAUN PENANGGUNGAN KERJA	
TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER 2018	MUKA SURAT : 1/8

Bil.	Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
	Elaun Penanggungan Kerja	<p>Seorang pegawai yang melaksanakan tugas sesuatu jawatan lain disamping melaksanakan tugas jawatannya sendiri bagi suatu tempoh yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melulus yang berkenaan, layak dibayar Elaun Penanggungan Kerja.</p> <p><u>TAKRIFAN</u></p> <p><u>PEGAWAI</u></p> <p>Bermaksud semua kategori pegawai yang sedang berkhidmat yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Melantik secara tetap, sementara atau kontrak.</p> <p><u>PENANGGUNGAN KERJA</u></p> <p>Bermaksud pelaksanaan tugas suatu jawatan lain oleh seseorang pegawai di samping melaksanakan tugas jawatannya sendiri bagi suatu tempoh yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melulus yang berkenaan.</p> <p><u>HUBUNGAN TARAF TINGGI RENDAH</u></p> <p>Bermaksud pertalian antara jawatan dalam satu susunan kuasa (<i>span of control</i>) yang berbeza atau grednya, di mana jawatan yang lebih tinggi itu bertanggungjawab secara langsung menyelia jawatan yang lebih rendah</p>	Pekeliling Perkhidmatan Bil. 17/2007

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

TAJUK : ELAUN PENANGGUNGAN KERJA	
TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER 2018	MUKA SURAT : 2/8

Bil.	Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
	Elaun Penanggungan Kerja	<p><u>KETUA JABATAN</u></p> <p>Bermaksud :</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Ketua Setiausaha kepada Kementerian; ii. Ketua Pengarah; iii. Ketua sesuatu perkhidmatan atau jawatan yang setaraf; atau <p>Mana-mana pegawai yang bertanggungjawab mengetuai di peringkat jabatan, institusi, agensi atau bahagian.</p> <p><u>KEKOSONGAN HAKIKI</u></p> <p>Bermaksud kekosongan jawatan yang wujud secara mutlak iaitu jawatan yang tidak mempunyai penyandang disebabkan oleh jawatan berkenaan baru diwujudkan sama ada melalui belanjawan tahunan atau waran perjawatan atau jawatan yang penyandanganya dinaikkan pangkat, bersara, meninggal dunia, meletak jawatan, dibuang kerja, ditamatkan perkhidmatan, dilantik ke skim perkhidmatan lain atau bertukar.</p> <p><u>KEKOSONGAN OPERASI</u></p> <p>Bermaksud kekosongan jawatan secara sementara kerana penyandang bercuti, menjalankan tugas rasmi di luar pejabat, berkursus, dipinjamkan atau ditukar sementara, memangku, ditahan/ digantung kerja atau tidak hadir bertugas dan tidak dapat dikesan.</p>	Lampiran A

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

TAJUK : ELAUN PENANGGUNGAN KERJA	
TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER 2018	MUKA SURAT : 3/8

Bil.	Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
	Elaun Penanggungan Kerja	<p><u>GRED FLEKSI</u></p> <p>Bermaksud jawatan yang mempunyai lebih dari satu gred.</p> <p><u>JAWATAN FLEKSI</u></p> <p>Bermaksud keanjalan atau kelonggaran yang diberikan kepada satu-satu jawatan yang memungkinkan jawatan itu disandang oleh pegawai daripada pelbagai skim perkhidmatan</p> <p><u>JAWATAN TERBUKA</u></p> <p>Elaun Penanggungan Kerja dikira berdasarkan kepada gaji permulaan skim perkhidmatan pegawai yang menanggung kerja jawatan terbuka.</p> <p><u>JAWATAN KHAS UNTUK PENYANDANG (KUP)</u></p> <p>Bermaksud jawatan yang diwujudkan bagi membolehkan penempatan seseorang pegawai di mana gred hakikinya lebih tinggi atau rendah daripada gred hakiki jawatan</p>	

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

TAJUK : ELAUN PENANGGUNGAN KERJA	
TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER 2018	MUKA SURAT : 4/8

Bil.	Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
	Elaun Penanggunan Kerja	<p>1.0 Pastikan dokumen sokongan berikut dikepilkan untuk pembayaran Elaun Penanggunan Kerja melalui iGFMAS atau baucar gaji berasingan.</p> <p>1.1 Penyata Perubahan Mengenai Pendapatan Seseorang Pegawai (Kew.8);</p> <p>1.2 Surat Kelulusan Penanggunan Kerja;</p> <p>1.3 Jadual Pengiraan mengikut format yang telah ditetapkan dan disahkan.</p> <p>2.0 Semak bulan dan tahun kewangan, jika bukan tahun semasa pastikan Sijil AP58(a) disertakan & memenuhi syarat berikut :-</p> <p>2.1 Tuntutan hendaklah dibayar dalam tahun kewangan semasa.</p> <p>2.2 Baki peruntukan dalam tahun perbelanjaan dan semasa adalah mencukupi.</p> <p>Sekiranya syarat AP58 (a) tidak dipatuhi, pastikan surat kelulusan perbendaharaan disertakan.</p>	<p>LAMPIRAN B</p> <p>LAMPIRAN C</p> <p>LAMPIRAN D</p> <p>LAMPIRAN E1 DAN E2</p> <p>Arahan Perbendaharaan 58</p>

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

TAJUK : ELAUN PENANGGUNGAN KERJA	
TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER 2018	MUKA SURAT : 5/8

Bil.	Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
	Elaun Penanggungan Kerja	<p>3.0 Syarat dan Peraturan Pembayaran Elaun Penanggungan Kerja</p> <p>3.1 Pegawai yang diluluskan penanggungan kerja hendaklah dibayar Elaun Penanggungan Kerja tertakluk kepada syarat-syarat berikut:</p> <p>3.1.1 Telah melaksanakan tugas jawatan yang ditanggung kerja selama dua puluh lapan (28) hari berturut-turut termasuk hari cuti mingguan, kelepasan am dan cuti rehat atas sebab-sebab kecemasan serta sakit secara terkumpul yang tidak melebihi lima (5) hari bekerja;</p> <p>3.1.2 Seseorang pegawai yang sedang menanggung kerja tetapi kemudiannya meninggalkan tugas jawatan yang ditanggung kerja itu selama empat belas (14) hari atau lebih berturut-turut, iaitu termasuk cuti mingguan dan kelepasan am, maka pembayaran Elaun Penanggungan Kerja dihentikan;</p> <p>3.1.3 Seseorang pegawai yang pernah diluluskan menanggung kerja dan kemudiannya diluluskan menanggung kerja jawatan yang sama, boleh dibayar Elaun Penanggungan Kerja sekiranya tempoh penanggungan kerja kali kedua dan seterusnya tidak kurang empat belas (14) hari berturut-turut</p>	

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

TAJUK : ELAUN PENANGGUNGAN KERJA

TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER 2018

MUKA SURAT : 6/8

Bil.	Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
	Elaun Penanggungan Kerja	<p style="text-align: center;">termasuk cuti mingguan dan kelepasan am;</p> <p>3.1.4 Jika pegawai yang menanggung kerja layak menerima Bayaran Lebih Masa, bayaran tersebut hanya boleh dibayar bagi tugas yang dilaksanakan selepas dua (2) jam lima belas (15) minit daripada waktu bekerja pejabat.</p> <p>Hanya boleh dibayar satu (1) Elaun Penanggungan Kerja sahaja pada satu (1) masa.</p> <p>4.0 Pegawai Yang Layak</p> <p>4.1 Pegawai yang telah disahkan dalam perkhidmatan;</p> <p>4.2 Sekiranya tiada pegawai yang telah disahkan dalam perkhidmatan, pegawai yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya setahun boleh diperakukan;</p> <p>4.3 Keutamaan untuk penanggungan kerja hendaklah diberi kepada pegawai yang paling layak dari segi pengalaman, kelayakan, kemahiran, kepakaran dan berprestasi baik.</p> <p>5.0 Jawatan Yang Tidak Dibenarkan Untuk Penanggungan Kerja</p> <p>5.1 Jawatan yang tiada senarai tugas secara khusus. Contohnya jawatan kumpulan.</p>	<p style="text-align: center;">LAMPIRAN F Contoh Pengiraan 1 dan 2</p>

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

TAJUK : ELAUN PENANGGUNGAN KERJA	
TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER 2018	MUKA SURAT : 7/8

Bil.	Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
	Elaun Penanggunan Kerja	<p>5.2 Jawatan yang pelaksanaan tugasnya mengikut giliran/syif. Contohnya Jururawat dan Pengawal Keselamatan yang bertugas mengikut syif; dan</p> <p>5.3 Jawatan yang bentuk tugasnya tidak membenarkan atau tidak pratikal dilakukan secara penanggunan kerja Contohnya Pemandu Kenderaan dan Guru atau Pensyarah yang mengajar.</p> <p>6.0 Pergiraan Kadar Elaun Penanggunan Kerja</p> $\text{EPK} = \frac{\text{Gaji Pemulaan Jawatan Yang Ditanggung Kerja}}{\text{Gaji Pemulaan Jawatan Yang Ditanggung Kerja}} \times 25\%$ <p>6.1 Pengiraan elaun ini hendaklah dibuat berdasarkan kedudukan dan gred jawatan yang ditanggung kerja seperti berikut:</p> <p>6.1.1 Bagi jawatan yang menetapkan Mata Gaji Permulaan Pelbagai, Elaun Penanggunan Kerja dikira berdasarkan gaji permulaan terendah bagi jawatan skim perkhidmatan yang berkenaan;</p> <p>6.1.2 Penanggunan kerja jawatan yang mempunyai Gred Fleksi, Elaun Penanggunan Kerja dikira berdasarkan gred gaji yang terendah;</p>	<p>LAMPIRAN G Contoh 1</p> <p>LAMPIRAN G Contoh 2</p>

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

TAJUK : ELAUN PENANGGUNGAN KERJA

TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER 2018

MUKA SURAT : 8/8

Bil.	Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan								
	Elaun Penanggungan Kerja	<p>6.1.3 Bagi pegawai yang menanggung kerja Jawatan Fleksi, Elaun Penanggungan Kerja dikira berdasarkan kepada skim perkhidmatan yang mempunyai mata gaji terendah;</p> <p>6.1.4 Jika jawatan yang ditanggung kerja itu adalah Jawatan Terbuka;</p> <p>6.1.5 Jika jawatan yang ditanggung kerja itu diwujudkan secara Khas Untuk Penyandang (KUP), Elaun Penanggungan Kerja dikira berdasarkan kepada gred hakiki jawatan</p> <p>7.0 Penyediaan Dokumen Bayaran</p> <p>7.1 Sediakan Borang Perubahan Gaji (Kew.320 Pindaan 1/2016) atau baucar berasingan dan pastikan dokumen lengkap dan betul.</p> <p>7.2 Semak kod akaun yang dipertanggungkan bagi contoh kes kakitangan awam seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="485 1659 1262 2000"> <thead> <tr> <th data-bbox="485 1659 887 1742">Sistem Gaji Berkomputer</th> <th data-bbox="892 1659 1262 1742">Baucar Gaji</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="485 1742 887 1818">1200 (Tahun Semasa)</td> <td data-bbox="892 1742 1262 1818">B0111101 (Tahun Semasa)</td> </tr> <tr> <td data-bbox="485 1818 887 1895">3200 (Tunggakan Tahun Semasa)</td> <td data-bbox="892 1818 1262 1895">B0111101 (Tunggakan Tahun Semasa)</td> </tr> <tr> <td data-bbox="485 1895 887 2000">2000 (Tunggakan Tahun Lalu)</td> <td data-bbox="892 1895 1262 2000">B0111601 (Tunggakan Tahun Lalu)</td> </tr> </tbody> </table>	Sistem Gaji Berkomputer	Baucar Gaji	1200 (Tahun Semasa)	B0111101 (Tahun Semasa)	3200 (Tunggakan Tahun Semasa)	B0111101 (Tunggakan Tahun Semasa)	2000 (Tunggakan Tahun Lalu)	B0111601 (Tunggakan Tahun Lalu)	<p>LAMPIRAN G Contoh 3</p> <p>LAMPIRAN G Contoh 4</p> <p>LAMPIRAN G Contoh 5</p> <p>SPANM Bil. 10/2017</p>
Sistem Gaji Berkomputer	Baucar Gaji										
1200 (Tahun Semasa)	B0111101 (Tahun Semasa)										
3200 (Tunggakan Tahun Semasa)	B0111101 (Tunggakan Tahun Semasa)										
2000 (Tunggakan Tahun Lalu)	B0111601 (Tunggakan Tahun Lalu)										

Pihak Berkuasa Melulus
Mengikut Jawatan Yang Akan Ditanggung Kerja

Jawatan / Gred yang Ditanggung Kerja	Pihak Berkuasa Melulus
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam	Ketua Setiausaha Negara
Ketua Setiausaha Kementerian	Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Timbalan Ketua Setiausaha / Ketua Pengarah / Setiausaha Bahagian / Pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi atau setaraf di Kementerian / Jabatan Perdana Menteri	Ketua Setiausaha Kementerian / Timbalan Ketua Setiausaha Kanan bagi Jabatan Perdana Menteri
Pegawai Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan yang berkhidmat di Mahkamah	Hakim Besar Malaya / Hakim Besar Sabah dan Sarawak
Pegawai Perkhidmatan Perundangan dan Kehakiman selain daripada yang berkhidmat di Mahkamah	Peguam Negara
Kumpulan Pengurusan Tertinggi di peringkat Jabatan Persekutuan dan Ketua Jabatan Persekutuan peringkat Negeri	Ketua Pengarah atau setaraf
Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 41 hingga Gred 54 di peringkat Kementerian	Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian atau setaraf
Kumpulan Sokongan di peringkat Kementerian	Setiausaha Bahagian Sumber Manusia / Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan atau setaraf di Kementerian
Kumpulan Sokongan di peringkat Jabatan Persekutuan	Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan atau setaraf di Jabatan Persekutuan
Kumpulan Pengurusan dan Profesional / Kumpulan Sokongan di Jabatan Persekutuan peringkat Negeri	Pengarah Negeri atau setaraf

KERAJAAN MALAYSIA
SISTEM GAJI BERKOMPUTER
BORANG PERUBAHAN GAJI

¹ Pejabat Perakaunan **1070**
³ Jenis Tindakan B / T
⁴ Sebab Tindakan **10**
⁵ Tkh Mula Tindakan **01.05.2016**

² No. Siri

⁹ Maklumat Pejabat Perakaunan Baru (Bagi Pegawai Berpindah ke PP lain)

Kod Pjbt. Perakaunan Baru

Nama Pusat Pbyr. Baru

⁷ No. Gaji		⁸ Nama	
⁹ Perubahan Nama			
IT0000		IT0185	
¹⁰ Jabatan	142	²⁶ Jenis Kad Pengenalan	
¹¹ Kump. Pekerja/ Sub Kump. Pekerja		²⁵ No. Kad Pengenalan	
IT0002		IT0077	
¹² Jantina		²² Bangsa	
¹³ Tarikh Lahir		²³ Taraf Pencen	
¹⁴ Status Perkahwinan/ Agama		²⁴ Warganegara	YA/TIDAK
IT0001		IT0008	
¹⁵ Vot	B43	²⁵ Sbb Perubahan Gaji	
¹⁶ Jabatan/PTJ	142/011300	²⁶ Tkh. Naik Gaji Berikut	
¹⁷ Aktiviti/Amanah/ Projek Setia	060100	²⁷ Kump. Tangga gaji	
¹⁸ Pusat Pembayar	5801	²⁸ Tangga gaji	
¹⁹ Cawangan		²⁹ Skim Perkhidmatan	
IT0009		IT0196	
³⁶ Cara Bayaran		³¹ Kod Bank/ No. Akaun Bank	
IT0002		IT0196	
³² No. KWSP		³³ Amaun Caruman	
³⁴ % Caruman		³⁵ No. Cukai Pdptan	
IT0041		IT0198	
³⁶ Kategori PCB/ Bil. Tanggungan		³⁷ Tkh. Lantikan Pertama	
³⁸ Tkh. Lantikan Skrg.		³⁹ Tkh. Pirsan Imbuhan	

Pendapatan (IT008 / IT0014 / IT0015 / IT2010)

⁴⁰ Tarikh Mula	⁴¹ Tarikh Akhir	⁴² Kod	⁴³ Amaun**	⁴⁰ Tarikh Mula	⁴¹ Tarikh Akhir	⁴² Kod	⁴³ Amaun**
01.05.2016	31.05.2016	2000	3,753.75	01.05.2016	31.05.2016	3201	3,753.75

**Bagi Kod 0006 - Masukkan "UNT" (jika bukan amaun) di sebelah kadar. Cth: 20 UNT

Polongan (IT0014 / IT0057 / IT0199 / IT2010)

⁴⁴ Tarikh Mula	⁴⁵ Tarikh Akhir	⁴⁶ Kod	⁴⁷ Amaun	⁴⁸ No. Rujukan	⁴⁹ Kod Penerima Bayaran	⁵⁰ Nama Penerima Bayaran

Tandatangan	⁵¹ Disediakan oleh	⁵² Disahkan oleh	UNTUK KEGUNAAN PEJABAT PERAKAUNAN SAHAJA ⁵³ Diluluskan oleh		
	Nama				
	Jawatan	MAZLINDA BINTI MOHTAR		JENITA HANIM BINTI MAT ARIS	
	Tarikh	PEMBANTU TADBIR KEW (W17)		Pemb. Tad Kew (W22) Sekyen Kewangan	
	20.04.2016	20.04.2016			

KERAJAAN MALAYSIA

PENYATA PERUBAHAN MENGENAI PENDAPATAN SESEORANG PEGAWAI
JPBD(IP) 185/431-1017 Jld.2 (38)

Akauntan Negara **Malaysia**
Bendahari Negeri
Akauntan Perbendaharaan
Pembantu Kewangan
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Malaysia
(U.P. Pusat Sumber Maklumat, Bahagian Khidmat Pengurusan)

Perubahan berikut telah diluluskan. Sila bayar pegawai yang berkenaan seperti berikut:

Nama Pegawai.....
Jawatan..... **Pegawai Perancang Bandar dan Desa, Gred J44**
No. K/P.....
Nombor Gaji Berkomputer.....

Butir-butir Perubahan	Tarikh	Gaji Bulanan	Catatan	No. Surat Kebenaran
Dibayar elaun penanggung kerja kerana menanggung kerja jawatan Pegawai Perancang Bandar dan Desa, Gred J44 di Bahagian Rancangan Pembangunan, Pejabat Projek Zon Utara, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia mulai...	1.10.2015 hingga 31.3.2016	RM 1251.25	Kaedah Perkiraan ETK RM 5005.00 x 25 100 RM 1251.25	JPBD (IP) S.185/441/1 Jld.9 (80) bertarikh 11.11.2015 JPBD(IP)/PPZU/185/ 441/27 Kit 4 (80) bertarikh 30.9.2015

18 April 2016
Tarikh.....

Misah binti Mat Diah
b.p. Ketua Pengarah
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Jalan Cenderasari, 50646 Kuala Lumpur

Hanita binti Haron
b.p. Ketua Pengarah
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Jalan Cenderasari, 50646 Kuala Lumpur
Coly Rasmi Jabatan

PANDUAN

1. Semua perubahan mengenai pendapatan seseorang pegawai hendaklah dinyatakan dalam borang ini. Perubahan-perubahan yang berkaitan adalah seperti berikut:

Jawatan	Cuti	Elaun-elaun
Perlantikan baru (jawatan tetap)	Separuh gaji	Semua jenis elaun
Pengesahan dalam jawatan	Tanpa gaji	
Dimasukkan ke dalam perjawatan berpencahan	Cuti sakit separuh gaji	
Memangku	atau tanpa gaji	
Naik pangkat		
Melangkah skkatan kecekapan		
Pertukaran	Bersara	
Pinjaman/pertukaran sementara		
Gantung kerja		
Turun pangkat		
Buang kerja	Gaji	
Meletak jawatan		
Perlantikan semula	Kenaikan gaji ditahan	
Meninggal dunia	Kenaikan gaji ditangguh	
Perlantikan sementara/kontrak	Turun gaji	
Tamat perkhidmatan sementara/kontrak		

2. Satu salinan penyata ini hendaklah dihantar kepada PUSAT SUMBER MAKLUMAT, BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN, JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA dengan mengisi butir-butir berkenaan dalam borang PR, JPA 2 (Pin. 1/96) di sebelah belakang penyata ini. Badan-badan Berkanun/Penguasa Tempatan yang tidak menggunakan Laporan Penyata Perubahan (Kew. 8) untuk membenarkan sebarang pembayaran hanya dikehendaki menghantar satu salinan Laporan Penyata Perubahan PR, JPA 2 (Pin. 1/96) ke Pusat Sumber Maklumat, Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Perkhidmatan Awam dan tidak perlu menghantar kepada Akauntan Negara, Bendahari Negeri, Akauntan Perbendaharaan atau Pembantu Kewangan.



**JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA
SEMENANJUNG MALAYSIA
FEDERAL DEPARTMENT OF TOWN AND COUNTRY PLANNING**
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Ministry of Urban Wellbeing, Housing and Local Government
Jalan Cenderasari
50646 KUALA LUMPUR
MALAYSIA



Tel: 603-2698 9211
Faks (Fax): 603-2692 0590
Laman Web (Web): www.townplan.gov.my

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : JPBD (IP) S.185/441/1 Jld.9 (66)
Tarikh : 11 November 2015
29 Muharam 1437

Pengarah
Bahagian Rancangan Pembangunan
Pejabat Projek Zon Utara
KEDAH

Tuan,

KEPUTUSAN PENANGGUNGAN KERJA

NAMA :

JAWATAN : Pegawai Perancang Bandar dan Desa, Gred J44

JAWATAN YANG DITANGGUNG : Pegawai Perancang Bandar dan Desa, Gred J48

Dengan hormatnya, saya diarah merujuk surat tuan JPBD(IP)/PPZU/185/441/27 Klt 4 (80) bertarikh 30.9.2015 berhubung perkara di atas.

- Sukacita dimaklumkan bahawa cadangan penanggunan kerja seperti di atas telah dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melulus dan keputusan diluluskan mulai 1.10.2015 hingga 31.3.2016.
- Pegawai berkenaan boleh dibayar Elaun Penanggunan Kerja mengikut kadar seperti di Peraturan 11 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 17 Tahun 2007. Pegawai hendaklah memenuhi semua syarat-syarat yang ditetapkan di Peraturan 13 mengikut pekeliling tersebut.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


(MOHAMAD SAUFI BIN ABDUL RAHMAN)
Seksyen Sumber Manusia
b.p. Ketua Pengarah
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Semenanjung Malaysia

Salinan Diakui Sah

MISAH BT MAT DIAH
i.p. Ketua Pengarah
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Jalan Cenderasari, 50646 Kuala Lumpur

s.k.
Akauntan Negara
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Kompleks Kewangan, Precint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62594 Putrajaya

Encik Mursidin bin Ismail
Fail Peribadi



FORMULA ASAS PENGIRAAN

CONTOH PENGIRAAN ELAUN PENANGGUNGAN KERJA

Contoh 1:

Jurutera Gred J41 menanggung kerja jawatan Jurutera Gred J44.

(Skim perkhidmatan yang sama).

- Gaji permulaan Jurutera Gred J44, P1T1 ialah RM3,026.12 sebulan.

$$\text{EPK} = \text{Gaji permulaan Jurutera Gred J44} \times 25\%$$

$$\text{EPK} = \text{RM3,026.12} \times 25\%$$

$$\text{EPK} = \text{RM756.53 sebulan}$$

Contoh 2:

Pembantu Teknik Gred J29 menanggung kerja jawatan Penolong Pegawai Tadbir (PPT) Gred N27.

(Skim perkhidmatan yang berlainan)

- Gaji Permulaan jawatan Penolong Pegawai Tadbir (PPT) Gred N27, P1T1 ialah RM1,204.55 sebulan.

$$\text{EPK} = \text{Gaji permulaan PPT Gred N27} \times 25\%$$

$$\text{EPK} = \text{RM1,204.55} \times 25\%$$

$$\text{EPK} = \text{RM301.13 sebulan}$$

Contoh 2:

Waktu Bekerja Pejabat – Hari Bekerja Hari Jumaat (semua negeri) atau Hari Ahad (Negeri Kedah, Kelantan, Terengganu, Johor)

Formula : Jumlah masa yang layak dituntut = $a - (b + c)$
Bayaran Lebih Masa

- a = Jumlah waktu bekerja pada hari Jumaat atau Ahad
- b = Jumlah waktu bekerja pejabat dalam sehari ialah 7 jam 30 minit
- c = jumlah waktu bekerja yang dibayar Elaun Penanggungungan Kerja (EPK) dalam sehari ialah $9 \text{ jam} \times \frac{1}{4} = 2 \text{ jam } 15 \text{ minit}$

Cara Pengiraan :

- a = 12 jam
- b = 7 jam 30 minit
- c = 2 jam 15 minit

$$= 12 \text{ jam} - (7 \text{ jam } 30 \text{ minit} + 2 \text{ jam } 15 \text{ minit})$$

$$= 12 \text{ jam} - 9 \text{ jam } 45 \text{ minit}$$

$$= 2 \text{ jam } 15 \text{ minit}$$

Contoh 1 :

Jawatan Yang Mempunyai Mata Gaji Permulaan Pelbagai

Akauntan Gred W41 menanggung kerja jawatan Akauntan Gred W41 yang lain.

- Gaji permulaan jawatan Akauntan Gred W41 boleh ditetapkan pada P1T8 atau P1T9 atau P1T10. Walau bagaimanapun, bagi pengiraan elaun penanggungungan kerja, gaji permulaan pada mata gaji terendah Akauntan Gred W41, P1T8 ialah RM2,345.69.

Pengiraan EPK :

$$\text{EPK} = \text{Mata Gaji Permulaan Terendah Akauntan Gred W41} \times 25\%$$

$$\text{EPK} = \text{RM2,345.69} \times 25\%$$

$$\text{EPK} = \text{RM586.42}$$

Contoh 2 :

Jawatan Yang Mempunyai Gred Fleksi

Jurutera Gred J41 menanggung kerja jawatan Jurutera Gred Fleksi J44/J48.

- Elaun Penanggungungan Kerja dikira berdasarkan gred terendah iaitu Gred J44.
- Gaji permulaan jawatan Jurutera J44, P1T1 ialah RM3,026.12.

Pengiraan EPK :

$$\text{EPK} = \text{Gaji permulaan Jurutera Gred J44} \times 25\%$$

$$\text{EPK} = \text{RM3,062.12} \times 25\%$$

$$\text{EPK} = \text{RM756.53 sebulan}$$

Contoh 3 :

Jawatan Fleksi

Pegawai Pertanian Gred G48 menanggung kerja jawatan Gred G54/N54.

- Gaji permulaan Pegawai Tadbir Gred N54 ialah P1T1 = RM5,160.68.
- Gaji permulaan Pegawai Pertanian Gred G54 ialah P1T1 = RM5,166.25.
- Elaun Penanggungungan Kerja dikira berdasarkan gaji permulaan terendah antara gred skim perkhidmatan fleksi iaitu Gred N54, P1T1 ialah RM5,160.68.

Pengiraan EPK :

$$\text{EPK} = \text{Gaji permulaan Pegawai Tadbir Gred N54} \times 25\%$$

$$\text{EPK} = \text{RM5,160.68} \times 25\%$$

$$\text{EPK} = \text{RM1,290.17 sebulan}$$

Contoh 4 :

Jawatan Terbuka

Pegawai Undang-Undang Gred L48 menanggung kerja jawatan Gred L52 (Terbuka).

- Elaun Penanggungungan Kerja dikira berdasarkan gaji permulaan bagi skim perkhidmatan pegawai yang menanggung kerja iaitu Skim Perkhidmatan Perundangan dan Kehakiman, Gred L52, P1T1 ialah RM4,939.43.

Pengiraan EPK :

$$\text{EPK} = \text{Gaji permulaan Pegawai Undang- Undang Gred L52} \times 25\%$$

$$\text{EPK} = \text{RM4,939.43} \times 25\%$$

$$\text{EPK} = \text{RM1,234.85 sebulan}$$

Contoh 5 :

Jawatan Khas Untuk Penyandang (KUP)

Pegawai Belia dan Sukan Gred S41 menanggung kerja jawatan Pegawai Belia dan Sukan Gred S44 secara Khas Untuk Penyandang (Gred hakiki jawatan ialah S41).

- Elaun Penanggungungan Kerja dikira berdasarkan gaji gred hakiki jawatan iaitu Pegawai Belia dan Sukan, Gred S41, P1T1 ialah RM1,688.89.

Pengiraan EPK :

$$\text{EPK} = \text{Gaji permulaan Pegawai Belia Dan Sukan Gred S41} \times 25\%$$

$$\text{EPK} = \text{RM1,688.89} \times 25\%$$

$$\text{EPK} = \text{RM422.22 sebulan}$$